

**Agong, Raja Permaisuri Berangkat Ke Majlis Moreh Di Masjid Zahir
Bernama
July 21, 2014**

ALOR SETAR, 21 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke Majlis Moreh Ampun Kurnia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Masjid Zahir di sini Ahad malam.

Turut hadir Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah serta anggota-anggota jemaah Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani Sultan Badlishah dan Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim.

Majlis yang bermula selepas solat tarawih diserikan dengan bacaan al-Quran serta ceramah agama yang disampaikan Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Ustaz Badli Shah Alauddin.

Kira-kira 1,000 orang menyertai majlis.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1055061>